

# Surat tuntutan Anwar diserahkan kepada Dr. M

PUTRAJAYA 23 Sept. - Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengemukakan surat tuntutan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad menuntut maaf dan ganti rugi berhubung kenyataan menghina dikatakan dibuat oleh bekas Perdana Menteri itu.

Surat berkenaan diserahkan oleh S.N. Nair peguam Anwar kepada peguam cara Dr. Mahathir, V.K.Lingam & Co, pada kira-kira 12.45 tengah hari ini di pejabat peguam cara itu di Menara Berjaya, KL Plaza di sini.

Dalam surat tuntutan itu, Anwar mahukan Dr. Mahathir mengemukakan maaf secara bertulis sepenuhnya dan tanpa syarat dalam masa 14 hari dan pengemukakan maaf itu hendaklah disiarkan dalam semua surat khabar perdana dan media elektronik pilihan Anwar.

Anwar juga menuntut ganti rugi RM100 juta.

Kandungan surat tuntutan itu turut menyatakan bahawa peguam Anwar mendapat arahan daripada beliau supaya mengambil tindakan undang-undang jika tuntutan itu tidak dipenuhi.

Anwar mendakwa Dr. Mahathir telah melahirkan kenyataan menghina mengenai dirinya (Anwar) pada sidang akhbar di Suhakam, di Menara Tun Razak pada 9 September lepas yang dilaporkan oleh agensi-agensi berita dan media elektronik dan bukan elektronik.

Pada 2 September tahun lepas, Mahkamah Persekutuan membebaskan Anwar atas tuduhan liwat. - Bernama